

30/12/2000

Tidak wajar bebankan Mara

TANGGUNGJAWAB melahirkan usahawan Melayu tulen di negara ini tidak perlu dibebankan di atas bahu Majlis Amanah Rakyat (Mara) saja, sebaliknya wajar dipikul bersama oleh badan kerajaan lain yang lebih mampu dari segi kewangan.

Ada banyak badan yang mampu dari segi kewangan di negara ini seperti Lembaga Tabung Haji, Lembaga Pembangunan Bandar (Uda), Petronas dan Permodalan Nasional Bhd (PNB). Badan ini bukan saja boleh membantu melahirkan usahawan Melayu tulen dengan menyediakan bantuan pinjaman, malah menyediakan sokongan infrastruktur.

Antaranya, dengan membeli rumah kedai atau premis perniagaan runcit yang ada di seluruh negara dan kemudian menyewakannya kepada usahawan Melayu pada kadar sewa berpatutan.

Langkah ini lebih banyak membantu, selain memberi sokongan mental dan fizikal kepada usahawan Melayu.

Oleh itu, adalah tidak wajar jika Mara saja yang dibebankan dengan tanggungjawab ini, kata Yang Dipertua Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Baharim Razak.

Katanya, adalah tidak wajar membiarkan tanggungjawab ini ditanggung oleh Mara saja kerana Mara sejak 50 tahun ditubuhkan, sudah terlalu banyak berkorban untuk kepentingan Bumiputera dan boleh dikatakan berjaya membantu mereka.

Bagaimanapun, menurutnya, kejayaan itu hanya boleh dilihat dari sudut pendidikan saja.

"Jika dilihat daripada kelahiran Universiti Teknologi Mara (dulu Institut Teknologi Mara) dan kewujudan Maktab Rendah Sains Mara di seluruh negara, kita menganggap Mara sudah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya membangunkan Bumiputera dari segi pendidikan.

"Kita berbangga dengan generasi muda yang lahir daripada institusi penubuhan Mara. Bagaimanapun, dari segi keusahawanan pula, Mara dilihat gagal melaksanakan misi ini.

"Banyak faktor yang menyumbang kepada kekurangan ini.

"Antaranya ialah kewangan yang agak terhad dan latihan yang dijalankan oleh Mara lebih bersifat ad-hoc dan pada masa yang sama pula, kurang susulan dibuat oleh Mara terhadap usahawan yang sudah menjalani latihan dengannya," katanya.

Baharim berkata, disebabkan faktor itu, usahawan yang dilahirkan masuk ke dunia perniagaan dalam keadaan yang tidak bersedia dan akhirnya mereka menjadi kurang berupaya untuk bersaing dan tidak berdaya maju.

Mengulas mengenai pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa antara faktor kegagalan usahawan Melayu dalam bidang perniagaan walaupun dibantu oleh Mara ialah disebabkan sikap suka ambil jalan mudah, beliau berkata, pandangan itu tidak patut disempitkan dengan pemikiran yang negatif.

Hakikatnya, sikap suka ambil jalan mudah ini adalah satu perkara biasa dalam perniagaan.

"Jalan mudah adalah suatu trend perniagaan di mana ia dilihat sebagai satu peluang keemasan dalam perniagaan dan turut diamalkan oleh ahli perniagaan kaum lain.

"Dalam banyak segi, sikap jalan mudah ini lebih membawa kepada kebaikan kerana dapat mengelakkan hutang dan sering dilakukan oleh usahawan yang berpengalaman.

"Banyak contoh yang dilakukan oleh syarikat besar dalam memperkatakan mengenai jalan mudah ini, yang mana syarikat besar berjaya mendapat projek, lalu menjualnya kepada syarikat lain.

"Ini adalah satu perkara yang biasa dilakukan," katanya.

Baharim berkata, sehingga kini, ada kira-kira 500,000 usahawan Melayu tulen di seluruh negara yang bekerja sendiri seperti penjaja dan peniaga kecil, tukang gunting dan tukang jahit.

Katanya, mereka inilah yang wajar diketengahkan oleh Uda, Mara, Tabung Haji dan PNB untuk diberi bantuan dan sokongan. Tanggungjawab ini tidak patut dibebankan kepada Mara saja.

Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Malaysia, Datuk Ramli Norani berkata, ciri-ciri seseorang usahawan tulen ialah mereka yang sanggup bekerja keras, mengendalikan sendiri perniagaan mereka dan mendapat pulangan modal daripada perniagaan mereka secara harian, mingguan atau bulanan.

Katanya, badan kerajaan lain perlu membantu Mara khususnya untuk membantu melahirkan lebih ramai usahawan Melayu tulen dari segi kewangan dan infrastruktur.

(END)